

Polis tidak siasat Daim — Dr. Mahathir

UM 20 JUN 2001

KUALA LUMPUR 19 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan beliau tidak bersengketa dengan Tun Daim Zainuddin dan menolak khabar angin mengenai bekas Menteri Kewangan itu kononnya sedang disiasat oleh polis.

“Semalam dia jumpa saya. Kami tidak bergaduh antara satu sama lain.

“Daim datang jumpa saya (sebab) ada perkara-perkara yang dia hendak selesaikan.

“Tidak ada isu mengenai Daim,” kata Perdana Menteri kepada

pemberita selepas majlis taklimat Presiden sempena Perhimpunan Agung UMNO ke-55 yang akan bermula esok di sini, hari ini.

Ditanya mengenai khabar-khabar angin mendakwa Daim telah ditangkap atau disiasat polis, Dr. Mahathir menegaskan, tidak ada sebarang penyiasatan dilakukan terhadap Daim.

“Mungkin mereka (polis) ada menemu bualnya. Saya tidak tahu,” kata beliau.

Dr. Mahathir berkata, disebabkan beliau sekarang Menteri Kewangan, beliau perlu mengetahui lebih banyak perkara tertentu me-

ngenai kewangan secara terperinci.

“Saya tidak tahu sama ada inilah sebab mengapa sesiapa perlu bertanya Daim apa-apa mengenai-nya,” ujar beliau.

Bagaimanapun kata Dr. Mahathir, beliau telah menemui Daim semalam dan tidak ada masalah, malah bukan pertama kali mereka berdua berjumpa.

“Kami tidak bergaduh. Daim hanya datang untuk menyerahkan buku-buku akaun parti kerana beliau bukan lagi Bendahari UMNO,” katanya.

Sehubungan itu, Perdana Men-

teri yang juga Presiden UMNO berkata, soal peletakan jawatan Daim sebagai Menteri Kewangan dan Bendahari UMNO bukanlah suatu isu.

Apa yang berlaku, katanya, Daim sebelum ini meminta untuk berhenti tetapi diminta berfikir untuk tempoh dua bulan dan akhirnya mengambil keputusan untuk berhenti maka beliau berhenti.

Jawatan Menteri Kewangan kini dipangku oleh Dr. Mahathir.

Di samping itu, Daim meletakkan jawatan sebagai Bendahari

■ Lihat muka 4

Polis tidak siasat Daim — Dr. Mahathir

UMNO, Menteri Tugas-Tugas Khas dan Pengerusi Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEEN).

Mengenai laporan media bahawa Daim tidak akan menghadiri Perhimpunan Agung UMNO Khamis ini kerana berada di luar negara, Dr. Mahathir berkata, jika Daim tidak menghadiri perhimpunan itu bukan bermakna beliau tidak menjadi ahli UMNO.

Daim masih ahli UMNO. Tapi beliau bukan lagi Bendahari UMNO, jadi beliau tidak datanglah. Itu hak beliau,” kata Perdana Menteri.

Menurutnya, kalau Daim datang, pihak media akan berjumpa dengannya dan bertanya macam-macam.

“Daim datang jumpa saya semalam pun dia lari daripada pihak media. Peletakan jawatan Daim juga tiada kena mengena dengan politik wang,” ujarnya.

Ditanya sama ada kelewatan melantik pengganti Daim menandakan Perdana Menteri menghadapi masalah untuk mencari calon yang sesuai, beliau berkata, beliau memang sedang cari calon yang sesuai.

“Mungkin saya akan dapat. (Jika) Tidak dapat tak apa, saya boleh jalankan kerja sebagai Menteri Kewangan,” katanya sambil bergurau bertanyakan “ada masalah siapa tidak dapat duit?”.

Dr. Mahathir berkata, beliau harus menandatangani dan membaca banyak dokumen, dan sekarang beliau bekerja bukan 24 jam sehari tetapi 48 jam sehari.

Beliau tidak masalah kerana saya biasa kerja kerana siang malam saya kerja, malah saya masih boleh bercakap dengan media,” katanya.